

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 23 FEBRUARI 2016 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Warga MOSTI disaran berinovasi sediakan perkhidmatan, kurangkan birokrasi	BERNAMA
2.	Aduan jenayah siber menurun	Harian Metro
3.	Kesedaran pencerobohan siber kian meningkat	Berita Harian
4.	Komersialkan penyelidikan tempatan	Berita Harian
5.	Banjir tiada kaitan fenomena bulan penuh	Harian Metro
6.	Hot spell to hit 6 states	New Straits Times



Warga MOSTI Disaran Berinovasi Sediakan Perkhidmatan, Kurangkan Birokrasi

PUTRAJAYA, 22 Feb (Bernama) -- Warga agensi dan [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(MOSTI\)](#) disaran supaya lebih berinovasi dalam menyediakan perkhidmatan bagi mengurangkan birokrasi dan tadbir urus lapuk.

Dalam Amanat 2016 untuk warga MOSTI, [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Madius Tangau](#) berkata langkah itu adalah selari dengan cabaran strategik keenam Wawasan 2020 untuk melahirkan rakyat yang mengeluarkan teknologi dan bukan sekadar pengguna.

"Warga MOSTI harus menerapkan ekosistem yang berlandaskan dan fokus ke arah memacu pasaran, memacu sains, teknologi dan inovasi (STI). Sekarang bukan masanya untuk berfokus kepada bantuan dana semata-mata," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Madius menekankan pentingnya MOSTI merangka kemajuan kerjaya dalam bidang STI sebagai motivasi generasi akan datang untuk mengambil sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 30
TARIKH: 23 FEBRUARI 2016 (SELASA)

Aduan jenayah siber menurun

Kuala Lumpur: Penurunan sebanyak 2,000 aduan kes membabitkan jenayah siber sejak 2014 membuktikan kesedaran rakyat terhadap keselamatan siber semakin meningkat.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Seri Wilfred Madius Tangau berkata, pihaknya melalui CyberSecurity Malaysia (CSM) mencatatkan 9,000 aduan kes jenayah siber pada 2015 dan menjangkakan penurunan konsisten pada tahun ini dan seterusnya.

“Rakyat Malaysia semakin sedar dan faham risiko perlu ditanggung jika meletakkan sepenuh kepercayaan terhadap apa yang didedahkan melalui Internet.

“Sekiranya pengguna tidak menapis atau menye-

lidik maklumat diletakkan di Internet, tidak mustahil pihak tidak bertanggungjawab dan berniat jahat meneruskan jenayah siber melalui penggodaman, penipuan dan ‘spamming’.

“Oleh itu, kami meneruskan kempen kesedaran terhadap semua golongan bagi menjadikan Internet lebih selamat dilayari,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Majlis Penutup Safer Internet Day 2016, di Pekarangan Sri Pentas, di sini, semalam.

Majlis dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif CSM Dr Amirudin Abdul Wahab dan Ketua Pegawai Eksekutif Rangkaian Televisyen Kum-pulan Media Prima Datuk Kamal Khalid.

Antara program dilaksa-

nakan melalui SDI 2016 adalah Program Kesedaran Keselamatan Siber Untuk Semua atau lebih dikenali sebagai Cybersafe yang bertujuan menggalakkan penggunaan Internet dengan cara positif dan beretika.

Pada masa sama, Amirudin berkata, pihaknya komited memupuk kesedaran dan membina ilmu pengetahuan mengenai kepentingan keselamatan siber, namun usaha pelbagai pihak diperlukan untuk menjayakannya.

“Sebagai pengguna Internet beretika dan bertanggungjawab, kita harus memainkan peranan sebagai penggerak untuk mewujudkan persekitaran siber yang lebih selamat dan kondusif,” katanya.



MADIUS (tengah) melakukan gimik penutupan majlis, semalam.

